



**SIARAN MEDIA**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA ANAK-ANAK YATIM**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI TAHUN 1439H/2018M**

**Bandar Seri Begawan, Rabu 23 Mei 2018** – Bagi tujuan untuk meringankan beban perbelanjaan keperluan harian anak-anak yatim dan juga sebagai persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri, Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1439H / 2018M telah diadakan pagi ini di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kempen kutipan sumbangan melalui SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah berjaya mengumpul dana sejumlah **BND90,803**. SMS Brunei Prihatin ini adalah projek tahunan anjuran bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Radio Televisyen Brunei, DST Communications Sendirian Berhad (DST), dan Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB) yang bermula sejak tahun 2005. Projek ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai dengan semua kutipan yang diterima disumbangkan sepenuhnya kepada Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyampaian derma tersebut ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awg Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II selaku Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD). Turut hadir ialah ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai kanan daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan DST Communications Sendirian Berhad (DST), serta para penghulu dan ketua kampung yang dijemput.

Bagi memberkati majlis, acara dimulai dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Yang Mulia Muhammad Nurshazwi Zawawi bin Shahri dan kemudian diterjemahkan oleh Yang Mulia Mohammad Aziz Aszreen Shah bin Haji Mohd Zain yang keduanya dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Acara diteruskan

dengan tahlil, doa arwah dan doa selamat oleh Yang Mulia Mohd Zakaria bin Haji Mohd Salleh, Pegawai Hal Ehwal Masjid dari Masjid Kg Pulaie.

Penyampaian Skim Hadiah Galakan Pelajar Cemerlang Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) untuk Anak-Anak Yatim 2017 disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II yang juga selaku Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD). Seramai 21 orang pelajar menerima Skim Hadiah Galakan tersebut dari peringkat-peringkat 'A' Level, 'O' Level, Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB), Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR). Acara diteruskan dengan penyampaian derma anak yatim kepada wakil-wakil pegawai Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong yang akan disampaikan dalam majlis penyerahan derma anak-anak yatim di daerah masing-masing.

Acara kemuncak adalah penyampaian derma kepada 3,103 orang anak-anak yatim di Daerah Brunei Muara yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isteri Datin Nurhayana Janis binti Abdullah Lim, Yang Berhormat Menteri Kewangan II, selaku Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan isteri Pengiran Datin Hajah Noor Yashimah binti Pengiran Anak Haji Hashim, serta Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abdul Karim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Derma yang dihulurkan ini adalah hasil kutipan daripada orang ramai melalui Tabung Anak-anak Yatim Kebangsaan. Mudah-mudahan dengan adanya sumbangan daripada orang ramai akan dapat membantu anak-anak yatim dalam menyambut bulan Syawal yang mulia nanti selain meraih pahala yang berlipat ganda di bulan Ramadhan yang mulia ini sekaligus mendapat keredhaan daripada Allah Subhanahu Wata'aala.

**##Tamat##**

---

*Dikeluarkan Oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam  
Tarikh: 07 Ramadhan 1439 / 23 Mei 2018*